



LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN
IKLAN JAWATAN KOSONG

Lembaga Pembangunan Tioman mempelawa semua warganegara Malaysia dan keutamaan adalah kepada rakyat Negeri Pahang yang berkecenderungan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan berikut:

BIL	JAWATAN	GRED	TARAF JAWATAN	KEKOSONGAN
1.	PEGAWAI TADBIR	N9	TETAP	1
2.	PENOLONG JURUTERA (KEJURUTERAAN AWAM)	JA5	TETAP	1
3.	PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN / OPERASI)	N1	TETAP KONTRAK	1 1
4.	PEMBANTU PENGUAT KUASA	KP1	TETAP	1
5.	PEMBANTU KHIDMAT AM	H1	KONTRAK	1

A. CARA MEMOHON DAN SYARAT-SYARAT

1. Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan Lembaga Pembangunan Tioman, **LPT/BKP/PK-01/B01** yang boleh didapati dengan muat turun di laman web Lembaga Pembangunan Tioman, <https://www.tioman.gov.my>.
2. Semua permohonan hendaklah **LENGKAP** dengan maklumat seperti berikut ;
 - i) Sekeping gambar terbaharu berukuran *passport* 2.5cm x 3.8cm (tidak dibenarkan gambar yang diimbas atau fotostat) ;
 - ii) Salinan Kad Pengenalan (depan / belakang) ;
 - iii) Salinan Sijil Kelahiran ;
 - iv) Salinan sijil-sijil persekolahan atau keputusan peperiksaan yang telah diperolehi ;
 - v) Salinan sijil-sijil sukan dan sijil-sijil lain yang berkenaan ; dan
 - vi) Setiap salinan dokumen di atas hendaklah **DIAKUI SAH** oleh Ketua Kampung / Penghulu atau Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

3. Permohonan daripada pegawai yang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am Bab A Perenggan 21. Permohonan hendaklah dikemukakan Bersama Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini atau Laporan Penilaian Prestasi Tahunan bagi tiga (3) tahun terkini (termasuk kakitangan kontrak).
4. Permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar ke alamat seperti berikut :

**PENGURUS BESAR
LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN
NO.1, JALAN BESAR TG. GEMOK 1.
TELUK GADING,
26820 ROMPIN,
PAHANG DARUL MAKMUR**

5. Bagi memudahkan pemohon yang berada di Pulau Tioman, borang permohonan jawatan kosong juga boleh dihantar secara serahan tangan di **Pejabat Lembaga Pembangunan Tioman, Kampung Tekek, Pulau Tioman** dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Tarikh Tutup Permohonan : 21 OGOS 2026

B. CATATAN AM

1. Permohonan akan **DITOLAK** jika borang permohonan :-
 - i) Tidak menggunakan borang **LPT/BKP/PK-01/B01**.
 - ii) Tiada Salinan Kad Pengenalan pemohon.
 - iii) Tiada Salinan Sijil Kelahiran pemohon.
 - iv) Tiada Salinan kelulusan pelajaran / peperiksaan.
 - v) Borang permohonan pemohon yang tidak ditandatangani, tidak lengkap diisi atau tidak jelas.
 - vi) Tidak disertakan dokumen yang diperlukan.
 - vii) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan.
 - viii) Salinan sijil tidak diakui sah.
 - ix) Gambar *Passport* tidak disertakan atau menggunakan gambar difotostat atau diimbis.
 - x) Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup iklan.
2. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan tersebut **TIDAK BERJAYA**.
3. Segala perbelanjaan bagi menghadiri temuduga adalah ditanggung oleh pemohon sendiri.

JAWATAN 1	:	PEGAWAI TADBIR, GRED N9 (TETAP)
------------------	----------	--

- (a) **Kumpulan Perkhidmatan** : **Pengurusan Dan Profesional**
- (b) **Gaji dan Elaun** : **RM2,250.00 – RM11,110.00 (JGMM)**
- Imbuhan Tetap Khidmat Awam** : **RM300.00**
- Imbuhan Tetap Perumahan** : **RM300.00**
- Bantuan Imbuhan Sara Hidup** : **RM250.00**

SYARAT LANTIKAN

- (a) Warganegara Malaysia berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (b) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N9: RM2,250.00); atau
- (c) Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N9: RM2,470.00).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- (i) Hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- (ii) Kepujian bagi dua (2) subjek mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu serta empat (4) subjek lulus.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

- (a) Merangkumi urusan pentadbiran am pejabat, pembangunan organisasi, pentadbiran dan pembangunan sumber manusia, urusan kewangan jabatan, pengurusan dan pembangunan sistem teknologi maklumat dan urusan-urusan berkaitan hal ehwal korporat dan Lembaga Pengarah Lembaga Pembangunan Tioman.
- (b) Bertanggungjawab mengetuai Bahagian Khidmat Pengurusan merangkumi Pengurusan Sumber Manusia, HRMIS dan Latihan Kakitangan.
- (c) Merancang dan melaksanakan program-program Jabatan berdasarkan peruntukan kewangan yang diluluskan.
- (d) Memantau pengurusan perolehan bagi memastikan pengurusan perolehan berjalan lancar dan dilaksanakan dengan cekap dan teratur mengikut peraturan yang berkuat kuasa.
- (e) Menyelaraskan urusan pentadbiran dan urusan aset dan inventori bagi memastikan fungsi operasi Lembaga dapat dijalankan dengan cekap dan teratur.
- (f) Merangka dan menyediakan peruntukan perbelanjaan tahunan Lembaga di bawah Bahagian Khidmat Pengurusan bagi menampung kos operasi keseluruhan Lembaga bagi memastikan peruntukan yang diagihkan mencukupi dan dapat dibelanjakan dengan berhemah mengikut tatacara kewangan yang ditetapkan.

JAWATAN 2	:	PENOLONG JURUTERA (KEJURUTERAAN AWAM), GRED JA5 (TETAP)
------------------	----------	--

- (a) **Kumpulan Perkhidmatan** : **Pelaksana (Skim Perkhidmatan Bersepadu)**
- (b) **Gaji dan Elaun** : **RM1,650.00 – RM6,620.00 (JGMM)**
- Imbuhan Tetap Khidmat Awam** : **RM160.00**
- Imbuhan Tetap Perumahan** : **RM300.00**
- Bantuan Imbuhan Sara Hidup** : **RM300.00**

SYARAT LANTIKAN

- (a) Warganegara Malaysia berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (b) Sijil Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM1,731.00); atau
- (c) Diploma Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM2,055.00).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- (i) Hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- (ii) Kepujian bagi dua (2) subjek mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu serta empat (4) subjek lulus.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

- (a) Bertanggungjawab mengendalikan pelaksanaan projek bagi skop kerja kejuruteraan antaranya Kejuruteraan Awam, Mekanikal dan Elektrik iaitu mengumpul maklumat untuk penyediaan reka bentuk, menyedia dan menyemak lukisan kejuruteraan.
- (b) Merekod inventori, mengawas tapak projek dan menyediakan laporan kemajuan projek.
- (c) Membantu kerja-kerja perundingan dan penyediaan sebut harga dan tender.
- (d) Menjalankan kerja penyenggaraan bangunan, jalan raya dan infrastruktur awam.
- (e) Melaksanakan kerja-kerja kawalan, pengujian, penyenggaraan berkala peralatan elektrik.
- (f) Merancang dan menyusun aktiviti bagi mengawal selia sistem pengairan dan saliran serta menjalankan tugas-tugas yang berkaitan.
- (g) Merancang strategi pelaksanaan operasi serta penjadualan kerja-kerja, menyelenggara dan membuat pengesyoran keputusan berdasarkan kepada kelulusan peruntukan yang diluluskan dan membantu tugas-tugas menderaf pelan, lukisan teknikal dan plan 'lay-out'.

JAWATAN 3	:	PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI), GRED N1 (TETAP / KONTRAK)
------------------	----------	---

- (a) **Kumpulan Perkhidmatan** : **Pelaksana**
- (b) **Gaji dan Elaun** : **RM1,500.00 – RM4,680.00 (JGMM)**
Imbuhan Tetap Khidmat Awam : **RM115.00**
Imbuhan Tetap Perumahan : **RM300.00**
Bantuan Imbuhan Sara Hidup : **RM300.00**

SYARAT LANTIKAN

- (a) Warganegara Malaysia berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (b) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan pada Gred N1: RM1,500.00); atau
- (c) Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan. (Gaji permulaan pada Gred N1: RM1,500.00); atau
- (d) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan pada Gred N1: RM1,561.00); atau
- (e) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,622.00).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- (i) Hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- (ii) Kepujian bagi dua (2) subjek mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu serta empat (4) subjek lulus.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

- (a) Menjalankan tugas-tugas perkeranian merangkumi pelaksanaan kerja pentadbiran am seperti pengurusan surat-menyurat, memo, fail dan dokumen rasmi, pengurusan operasi pejabat melibatkan pengumpulan data, maklumat dan penyediaan rekod/laporan serta minit mesyuarat, urusan kaunter perkhidmatan pelanggan atau orang awam, membantu penyeliaan stok, inventori dan peralatan pejabat, urusan perkhidmatan personel dan lain-lain tugas di dalam pejabat atau di lapangan selaras dengan fungsi Jabatan/Bahagian yang berkenaan.
- (b) Membantu menyediakan dokumen rasmi yang diarahkan dalam masa yang ditetapkan.
- (c) Berkemahiran dalam bidang komputer.
- (d) Melaksanakan tugas secara harian bagi melaksanakan tugas-tugas *ad hoc* atau tugas bermusim (*seasonal*).

JAWATAN 3	:	PEMBANTU PENGUAT KUASA, GRED KP1 (TETAP)
------------------	----------	---

- (a) **Kumpulan Perkhidmatan** : **Pelaksana**
- (b) **Gaji dan Elaun** : **RM1,500.00 – RM4,680.00 (JGMM)**
Imbuhan Tetap Khidmat Awam : **RM115.00**
Imbuhan Tetap Perumahan : **RM300.00**
Bantuan Imbuhan Sara Hidup : **RM300.00**

SYARAT LANTIKAN

- (a) Warganegara Malaysia berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (b) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan pada Gred N1: RM1,500.00); atau
- (c) Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan. (Gaji permulaan pada Gred N1: RM1,500.00); atau
- (d) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan pada Gred N1: RM1,561.00); atau
- (e) Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan. [Gaji Permulaan ialah pada Gred KP1:RM1,500.00] atau ;
- (f) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,622.00).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- (i) Hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- (ii) Kepujian bagi dua (2) subjek mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu serta empat (4) subjek lulus.

SYARAT TAMBAHAN

- (a) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut :
 - (i) Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - (ii) Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;

- (iii) Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
- (iv) Mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
- (v) Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
- (vi) Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- (vii) Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

- (a) Bertanggungjawab menguatkuasakan undang-undang yang digunapakai oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh pegawai.
- (b) Melaksanakan tugas mengikut jadual tugas yang telah ditetapkan.
- (c) Melaksanakan apa-apa arahan yang diberi dari semasa ke semasa.

JAWATAN 3	:	PEMBANTU KHIDMAT AM, GRED H1 (KONTRAK)
------------------	----------	---

- (a) **Kumpulan Perkhidmatan** : **Pelaksana**
- (b) **Gaji dan Elaun** : **RM1,500.00 – RM4,680.00 (JGMM)**
- Imbuhan Tetap Khidmat Awam** : **RM115.00**
- Imbuhan Tetap Perumahan** : **RM300.00**
- Bantuan Imbuhan Sara Hidup** : **RM300.00**

SYARAT LANTIKAN

- (a) Warganegara Malaysia berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (b) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan pada Gred N1: RM1,500.00); atau
- (c) Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan. (Gaji permulaan pada Gred N1: RM1,500.00); atau
- (d) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan pada Gred N1: RM1,561.00); atau
- (e) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,622.00).
- (f) Memenuhi syarat lantikan bagi keperluan khas (jika melaksanakan tugas atau mana-mana gabungan tugas yang diperlukan).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- (i) Hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- (ii) Kepujian bagi dua (2) subjek mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu serta empat (4) subjek lulus.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

- i. Menjalankan tugas-tugas am bersifat '*hands-on*' yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam dan di luar bangunan pejabat dan tugas-tugas berkaitan sokongan teknikal serta pembaikan kerosakan kecil ke atas peralatan dan ruang kerja seperti berikut :
 - (a) Melaksanakan urusan kebersihan pejabat, penyelenggaraan dan keselamatan pejabat.
 - (b) Bertanggungjawab dalam tugas-tugas persiapan sebelum dan selepas majlis rasmi atau mesyuarat.
 - (c) Membersihkan dewan/bangunan /bilik-bilik mesyuarat berkaitan.

- (d) Membersih serta mengangkut sampah sarap selepas selesai kerja.
 - (e) Melaksanakan lain-lain tugas rencam seperti pembersihan longkang, pemotongan rumput dan dahan pokok serta tugas-tugas landskap serta keceriaan kawasan mengikut jadual.
 - (f) Memastikan peralatan/ruang kerja yang berada di bawah pengawasan sentiasa berada dalam keadaan bersih, teratur, selamat serta dapat beroperasi dengan baik untuk digunakan pada bila-bila masa.
 - (g) Tugas *'hands-on'* lain terutamanya yang dijalankan di luar kawasan pejabat serta sokongan operasi Jabatan.
- ii. Melaksanakan tugas-tugas lain yang diberikan oleh Penyelia atau Pengurus.